



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1982

Tuan,

LAPORAN PEMILIKAN HARTA ALIH DAN TAKALIH OLEH SEMUA
PEGAWAI KERAJAAN MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN
BIL. 3 TAHUN 1981 DAN PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1981

1. Pendahuluan

1.1. Tujuan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah hendak menyampaikan beberapa maklumat berkaitan dengan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1981](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1981](#) bertarikh 6hb November, 1981.

1.2 Mengikut kedua-dua Pekeliling Perkhidmatan itu, semua pegawai Kerajaan adalah dikehendaki menyampaikan laporan pemilikan harta mereka dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh keluarnya Pekeliling-pekeliiling yang berkenaan, kepada Lembaga-lembaga Tatatertib yang berkenaan iaitu selewat-lewatnya pada 5hb Februari, 1982.

2. Lanjutan tempoh membuat laporan

2.1 Kerajaan telah bersetuju bahawa tarikh akhir penyampaian borang-borang laporan harta oleh semua pegawai Kerajaan adalah dilanjutkan sehingga 28hb Februari, 1982.

3. Pemakaian peraturan kepada Badan-badan Berkanun, Kuasa-kuasa Tempatan dan perbadanan-perbadanan

3.1 Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa peraturan-peraturan seperti yang terdapat dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1981](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1981](#) sewajamyalah dilanjutkan pemakaiannya kepada Badan-badan Berkanun, Kuasa-kuasa Tempatan dan Perbadanan-perbadanan.

4. Keselamatan maklumat-maklumat di dalam borang-borang

4.1 Maklumat-maklumat yang terkandung di dalam laporan-laporan harta itu adalah bertaraf sulit. Oleh hal yang demikian, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan adalah diminta untuk mengambil langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya untuk memastikan bahawa pegawai-pegawai yang tertentu sahaja dibenarkan untuk mengendalikan laporan-laporan harta yang berkenaan. Borang-borang laporan harta yang telah di-

penuhi hendaklah disimpan mengikut peraturan-peraturan seperti menyimpan dokumen sulit kerajaan yang lain.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HAJI ABDUL RAHMAN BIN PILUS)
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, .
Malaysia

30hb Januari, 1982

Ketua Setiausaha Negara,
Semua Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,
Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan,
Semua Pihak Pengurusan Perbadanan-perbadanan,
Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun.
s.k.
Ketua Turus Angkatan Tentera,
Ketua Polis Negara.